AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19

1,925 kes baharu dicatat semalam

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,925 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif wabak itu di negara ini adalah 108,615 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 pula meningkat kepada 21,143 kes.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu itu, terdapat 10 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala 1,915 kes membabitkan penularan tempatan.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 747 kes dengan 623 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Kuala Lumpur yang mencatatkan 360 kes dan Pahang 288 kes. Peningkatan kes di Pahang dipengaruhi oleh kluster berkaitan penjara iaitu Kluster Tembok Mempaga.

"Sebanyak 307 kes pula adalah berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok Mempaga (282 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (9 kes), Kluster Tembok Gajah (9 kes), Kluster Tembok (3 kes), Kluster Pagar Siput (3 kes) dan Kluster GK Tawau (1 kes)," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Selain itu, Noor Hisham berkata, terdapat 117 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 55 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, sebanyak 1,123 kes pulih dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 86,715 kes atau 79.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan dua kes kematian. Ia membabitkan seorang lelaki warganegara berusia 65 tahun yang meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh.

"Beliau mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung dan strok.

"Satu lagi kes membabitkan wanita berusia 68 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis dan buah pinggang kronik yang meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan," katanya.

DR Noor Hisham

9 lagi kluster baharu direkodkan

Saringan bersasar di tempat kerja catat peningkatan kes positif

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sembilan kluster baharu berkaitan Covid-19 yang dikenal pasti di Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Sabah, Melaka dan Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama dikenali sebagai Kluster Seri Lanang yang dikesan menerusi saringan bersasar di sebuah kilang.

"Kluster tempat kerja ini membabitkan daerah Klang, Gombak, Kuala Selangor dan Petaling. Seramai 1,020 individu disaring dan 173 dikesan positif Covid-19.

"Kluster kedua adalah Kluster Jalan Chu di Lembah Pantai, Kuala Lumpur hasil saringan bersasar di sebuah syarikat membabitkan 44 individu dikesan positif daripada 70 individu disaring.

"Kluster ketiga ialah Kluster Tapak Bina Awan Puteh juga di Lembah Pantai. 29 kes bagi kluster ini dilaporkan positif melalui saringan bersasar di tapak binaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kelima ialah Kluster Jalan Satang membabitkan daerah Titiwangsa, Kepong, Hulu Langat, Klang, Petaling, Gombak dan Bentong di Pahang.

ANGGOTA polis memulakan tugas sekatan jalan raya (SJR) di Jalan Kiamsam, Labuan bagi mengawal pergerakan keluar dan masuk kenderaan serta orang ramai yang melalui kawasan berisiko di sekitar penempatan setinggan Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) Kiamsam bermula semalam.

> *Kluster tempat kerja ini membabitkan daerah Klang, Gombak, Kuala Selangor dan Petaling. Seramai 1,020 individu disaring dan 173 dikesan positif Covid-19"*
>
> **Dr Noor Hisham**

Menurutnya, kes indeks bagi kluster itu (kes ke-92,888) adalah kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (Sari) yang dilaporkan positif Covid-19 pada 20 Disember lalu dan sehingga kini seramai 30 individu dikesan positif.

"Kluster keenam pula adalah Kluster Tembok Mempaga di Bentong, Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-97,373) dilaporkan positif Covid-19 pada 22 Disember lalu melalui saringan tahanan.

"Seramai 504 individu disaring, 284 positif dalam kluster ini," katanya.

Katanya, dua kluster dilaporkan di Sabah iaitu Kluster Timbang Dayang yang dikesan Kota Belud membabitkan 13 kes positif manakala Kluster Teguli di Putatan membabitkan 12 kes positif.

Beliau berkata, kluster terakhir adalah Kluster Rambai pula membabitkan daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah di Melaka, Petaling di Selangor serta Rembau di Negeri Sembilan.

"Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-104,441) dilaporkan positif pada 27 Disember lalu melalui saringan individu bergejala. Seramai 102 individu disaring dan 16 daripadanya positif," katanya.

Kemta dikenakan PKPD

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Koreksional Kamunting (Kemta), di Taiping, Perak.

Pelaksanaan PKPD di Kemta dan kuarters itu berkuat kuasa hari ini hingga 12 Januari 2021.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan berlaku peningkatan kes positif Covid-19 di pusat berkenaan.

"Sehingga 24 Disember, KKM melaksanakan 1,490 saringan terhadap tahanan dan 50 daripadanya didapati positif Covid-19.

"Atas nasihat dan penilaian risiko KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kemta bermula 30 Disember (hari ini) sehingga 12 Januari 2021," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, seramai 142 individu ditahan selepas didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negara, kelmarin.

Katanya, antara kesalahan dilakukan ialah ingkar arahan PKP termasuk gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan dilaporkan sebanyak 78 kes, tidak memakai pelitup muka (53), gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (9) dan lain-lain (2).

Mengulas berhubung kuarantin wajib, Ismail Sabri berkata, seramai 93,728 individu pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan semua ditempatkan di 75 hotel dan 17 Institut Latihan Awam (ILA) serta institut pengajian swasta di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, seramai 7,518 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib manakala 540 individu dihantar ke hospital untuk rawatan. Seramai 85,670 individu dibenarkan pulang," katanya.

Tingkat kadar denda pastikan rakyat patuh SOP

Kuala Lumpur: Bagi memastikan rakyat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pencegahan Covid-19 yang ditetapkan kerajaan, pakar mencadangkan kadar denda terhadap pelanggaran pematuhan itu dinaikkan.

Pakar Kesihatan Awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, peningkatan kadar denda itu diyakini dapat mendidik masyarakat bagi mematuhi SOP ditetapkan.

"Masyarakat semakin bebas dan bersesak-sesak di tempat tumpuan akan menjadikan risiko penularan Covid-19 lebih tinggi selain mencetuskan kluster baharu.

"Boleh lihat di media sosial, ramai yang berkongsi hantaran keluar bersiar, berjalan malah di tempat ramai hingga tidak patuh kepada penjarakan sosial," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak berkuasa berkaitan hendaklah memainkan peranan dalam memantau perkara berkenaan.